

Zakat^{info}



زكاة قويهاتين
Zakat Prihatin



3 Bantuan ZPP Buat Mangsa Ribut



6 Zakat D'IPT



8 Ziarah Pesakit Kanak-Kanak Di HPP

27 November 2015 (Jumaat)



Majlis Penyerahan Bantuan Kelengkapan Persekolahan 2016

Keluarga Mangsa Kemalangan Disantuni

ZPP menziarahi dan menyampaikan bantuan awal kepada isteri dan keluarga arwah Ibrahim Md Isa yang maut apabila motosikalnya bergesel dengan lori kontena di KM136.6 Lebuh Raya Utara Selatan (Plus) arah utara di Seberang Jaya pada 30 Julai 2015 lalu. Moga Allah mempermudah segala urusan keluarga arwah.



Seberang Jaya

Diab Muhammad Shafiq Shafiqulillah
Pengarah Urusan
Seberang Jaya

2 minggu lahir sudah derita

Bayi disahkan hidap Sindrom Down, komplikasi jantung tanpa dinding, leukemia

Berusia dua minggu, bayi Muhammad Anas (10), anak lelaki kepada pasangan Muhammad Khairul Anwar A. Kadir, 34, dan Nurhuda Abd Latiff, 34, disahkan menghidap Sindrom Down, kompleksiti jantung tanpa dinding serta kanser leukemia. Bayi itu lahir pada 30 Julai 2015 lalu menghidap sindrom Down.

Muhammad Khairul Anwar berkata, dia yang berkerja sebagai pemandu lori swasta untuk pengangkutan barang, terpaksa mengorbankan wang untuk merawat anaknya. "Saya dan isteri yang tidak berkesempatan untuk pergi ke luar negara untuk merawat anak, terpaksa tinggal di rumah dan menunggu anaknya sembuh," katanya.



Bantuan Kepada Keluarga Bayi Mengidap 3 Penyakit Kronik

ZPP prihatin. Berdasarkan maklumat yang diperolehi, ZPP turun padang menyampaikan bantuan kepada bayi istimewa ini di Hospital Seberang Jaya. Bantuan bulanan dan juga bayaran sebahagian kos pembedahan akan disalurkan. Sama-sama kita mendoakan moga Allah memberikan kesembuhan buat adik Anas Anaqi serta mempermudah urusan keluarganya.

Kepala Batas



Mesyuarat Pelarasan Bencana Alam SPU

Bertempat di Pejabat Daerah SPU, satu mesyuarat tergempar bencana alam telah diadakan bagi menyelaraskan bantuan mangsa ribut di sekitar SPU. Selain ZPP, beberapa agensi telah turut terlibat antaranya Pejabat Daerah SPU, JKM serta Pegawai-pegawai Penyelaras KADUN. Sesi lawatan juga telah dibuat bagi mendapatkan gambaran dan maklumat bagi menyalurkan bantuan. Maklumat terkini yang diterima melibatkan kawasan adalah seperti berikut, Bertam 34 kes, Pinang Tunggal 28 kes, Telok Air Tawar 24 kes, Permatang Berangan 4 kes, Sungai Dua 2 kes dan Penaga 10 kes.



Bantuan Ribut Permatang Pasir

Majlis penyerahan bantuan zakat oleh YDP Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, YB Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man kepada 7 orang mangsa ribut di Permatang Pasir sekitar September 2015.

Bantuan ZPP Buat Mangsa Ribut

ZPP telah turun padang menyerahkan bantuan buat mangsa ribut yang melanda baru-baru ini. Sebanyak 21 buah rumah terkesan dari ribut tersebut. Kunjungan turut disertai Penyelaras KADUN Teluk Air Tawar. Keseluruhan bantuan berjumlah RM8,400.00.



ZAKAT PULAU PINANG



Lawatan Pusat Zakat Sabah

ZPP telah menerima lawatan kerja dari Pusat Zakat Sabah (MUIS). Rombongan ini diketuai En. Jaludin Dullah, Penolong Setiausaha Kanan, Pusat Zakat Sabah (MUIS). Turut serta dalam rombongan ini adalah pegawai-pegawai dari Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri Sabah (JPKNS).

Taklimat disampaikan oleh Pengurus Jabatan IT, Rosli Abdul Razak meliputi sistem aplikasi pengurusan zakat dan laman web yang dibangunkan. Rombongan turut dibawa melawat ke Jabatan Akaun serta Bahagian Potongan Gaji ZPP.

Semoga lawatan kerja ini mengeratkan hubungan baik antara dua institusi zakat ini dan seterusnya bermanfaat untuk asnaf.

Follow Up Keluarga Asnaf



Team Peduli Asnaf ZPP melakukan 'follow up' terhadap 2 keluarga asnaf yang mempunyai tanggungan yang ramai. 'Follow up' ini bertujuan melihat bantuan yang masih diperlukan oleh 2 keluarga asnaf ini.

Team Peduli Asnaf kembali berkunjung ke rumah Puan Zubaidah Hamad yang kehilangan suami tercinta pada bulan Jun 2015 lalu akibat kemalangan jalanraya. Puan Zubaidah kini perlu membesarkan 6 orang anak berusia



antara 4 bulan dan 16 tahun dengan 4 orang daripada mereka masih bersekolah.

Seterusnya Team Peduli Asnaf menziarahi keluarga Puan Noor Hayati Md Noh, 40 yang ditinggalkan suami ketika sarat mengandung pada Julai lalu. Noor Hayati kini menjaga 7 orang anaknya di kawasan Kepala Batas.

Permatang Pauh



Serahan Bantuan Perubatan ZPP

Sesi ziarah dan serahan bantuan perubatan dari sumber zakat kepada 4 orang penerima bantuan perubatan telah diadakan. YDP Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, YB Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man sudi untuk turun padang bersama-sama ZPP untuk menyampaikan bantuan tersebut. Moga Allah mempermudah urusan serta memberi kesembuhan buat mereka di sekitar Permatang Pauh.

Seberang Jaya

Santuni Asnaf Menginap Di Rumah 'Tinggal'



Team Peduli Asnaf ZPP bergegas menyantuni keluarga yang menginap di rumah yang ditinggalkan di Flat Tenggori. Aduan diterima dari Pejabat YB ADUN Seberang Jaya. Siasatan mendapati sepasang suami isteri serta seorang anak berusia 11 bulan tinggal di rumah yang tiada bekalan air dan elektrik sejak 2 bulan lalu. Lebih menyedihkan anak mereka menghadapi jantung berlubang. ZPP turut tersentuh setelah mendapati keluarga ini kadangkala menyediakan susu anak dengan hanya menggunakan air paip. Bantuan kewangan diserahkan dan bantuan yang bersesuaian akan segera menyusul buat keluarga ini.



Ziarah Asnaf Bersama Pembayar Zakat Korporat

Zakat Pulau Pinang telah berjaya menganjurkan Program Ziarah Asnaf Bersama Pembayar Zakat Korporat. Dalam program ini para peserta yang mewakili syarikat masing-masing telah dibawa melihat sendiri projek-projek agihan yang telah berjaya diusahakan oleh Zakat Pulau Pinang (ZPP) untuk membantu golongan asnaf di Pulau Pinang.

Ribuan terima kasih di ucapkan kepada Persatuan Nelayan Kawasan Pulau Pinang Selatan, Koperasi Bank Persatuan Malaysia Bhd, Jeruk Madu Pak Ali, Syarikat Kopi Hang Tuah Sdn Bhd, Kejuruteraan MECS Sdn Bhd, Koperasi Tunas Muda Sg Ara Bhd dan Pertubuhan Peladang Negeri di atas kesudian menjayakan program ini.

Dalam program ini mereka telah dibawa melawat ke beberapa projek agihan zakat seperti Pusat Haemodialisis Zakat (PHZ), Kedai Serbaneka Zakat Mart, Rumah bantuan ZPP, Gerak Asnaf Jahitan dan juga Rumah Transit Saudara Kita.

Semoga dengan adanya projek-projek agihan yang telah direncanakan untuk asnaf diharapkan agar para pembayar zakat akan terus menunaikan zakat mereka melalui ZPP dan kami akan sentiasa beristiqomah supaya agihan zakat akan terus sampai kepada mereka yang benar-benar layak. Zakat dituai asnaf terbela. Firman Allah swt dalam surah at Taubah ayat 60 bermaksud:

“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanya untuk orang-orang fakir dan orang-orang miskin dan amil-amil dan muallaf yang dijinakkan hati-hati mereka dan hamba-hamba yang hendak memerdekakan dan orang-orang berhutang dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah dan pada orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan”.



Permatang Pasir

Bancian Asnaf 2015

Zakat Pulau Pinang (ZPP) telah menjalankan proses semakan semula fakir dan miskin secara berkala, bermula awal bulan Oktober 2015. Semakan semula ini melibatkan seramai 3,229 orang penerima bantuan kewangan dan makanan bulanan di semua daerah di negeri Pulau Pinang. Menurut Ketua Bahagian Pembangunan Kebajikan Dan Sosial, ZPP, En. Ruslan Harun, semakan semula ini dilaksanakan bertujuan untuk mengenal pasti asnaf fakir dan miskin yang tersenarai sebelum ini masih layak, di samping memastikan maklumat yang diberikan sewaktu permohonan benar dan tepat.



Zakat Pulau Pinang Di Dalam Media



Sabtu, 25 November 2015 • Sinan Harian 47
SEBERANG PERAI UTARA

Kasih datuk kepada dua cucu

Pelihara anak yatim selepas anak, menantunya meninggal dunia akibat serangan jantung

KEPALA BATAS: Berpau hidup tidak sebegini, namun seorang datuk tetap kekal menjaga dua cucunya yang menjadi yatim selepas anak serta menantunya meninggal dunia beberapa tahun lalu.

Che Abdullah, 78, berkata, kedua-dua cucunya, Muhammad Amirul Anwar Mohd Amin, 9, dan Muhammad Fikriul Fikriul Anwar, 11, kini tinggal bersama dia serta isterinya di Kampung Lahar Kepala Batas.

Menurutnya, berpau tanpa buduayah dia mahu memelihara cucunya berjanji dalam pelarian.

"Anak dan ibu mereka dah meninggal dunia. Walaupun saya hidup berseorangan, tapi saya tetap jaga mereka. "Alhamdulillah, dua cucu

ini dapat saya besarkan dengan pendidikan yang sempurna, katanya.

Menurutnya, anak dan menantunya meninggal dunia akibat serangan jantung.

"Anak perempuan saya dah tiada sejak empat tahun lalu, menantu pula meninggal dunia tahun lalu."

"Walaupun dua cucu saya masih lagi kecil. Tetapi jaga mereka masa depun insentif 'Akhidre' lepas berseorangan dengan isteri, kuni ambil keputusan untuk jaga mereka," katanya ketika ditemui pada Majlis Penyerahan Bantuan Kelengkapan Pendidikan 2016 di Dewan Millenium, dekat sini.

Muhammad Fikriul Fikriul Anwar, berkata, kerjanyanya bersama ayah ibu dan ayahnya sendiri sangat terpuji di ingatan dia dan

adiknya. "Walaupun ayah dan ibu dah tak ada, tapi saya masih lagi ingat, penanan ibu agar kami dapat belajar dengan baik-kurangnya."

"Saya dan adik kecil untuk mencipta teruk dalam hidup. Kami nak berta'ukwan," katanya.

Muhammad Fikriul Anwar dan Muhammad Amirul Anwar antara 1,000 kanak-kanak yang menerima sumbangan peralatan, persediaan, dan sebagainya yang disampaikan Timbalan Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Datuk Abdul Halim Hassan di Dewan Millenium, semalam.



Che Abdullah bersama cucunya, Muhammad Fikriul Fikriul Anwar (kanan) dan Muhammad Amirul Anwar (kiri) selepas menerima sumbangan kelengkapan peralatan persekolahan.

HEBAHKAN
Jumlah bantuan yang diterima oleh 1,000 kanak-kanak ini adalah RM250,000.



Abdul Halim (tengah) menyampaikan bantuan kelengkapan persekolahan pada majlis yang diadakan di Dewan Millenium, Kepala Batas.

Pendidikan formula penting bentuk rohani, jasmani umat Islam

KEPALA BATAS: Pendidikan merupakan perkara penting dalam membina seseorang itu keluar dari kancuk kemiskinan.

Timbalan Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINIPP), Datuk Abdul Halim Hassan berkata, aspek pendidikan amat penting dalam menjadikan umat Islam sebagai umat yang berakhlak.

Menurutnya, pada masa kini, pendidikan merupakan formula yang amat penting kerana dapat membina umat Islam dari segi rohani dan jasmani.

"Tanpa pendidikan yang sempurna manusia tidak mungkin dapat membina sebuah tamadun yang besar. "Saya percaya sebagai ibu bapa mahu mencorak anak-anak menjadi seorang muslim

yang bukan sahaja cemerlang di dunia malah hebat dengan ilmu akhirat," katanya ketika menyampaikan ucapan pada majlis penyerahan bantuan kelengkapan persekolahan 2016 di Dewan Millenium Kepala Batas semalam.

Pada majlis itu, seramai 1,000 pelajar dari 20 sekolah menerima bantuan kelengkapan persekolahan bernilai RM250,000.

20 Setempat

Uthi Aina Razza Juhari
anggota media.com.my
Bekas Murid

'Kami tak sedaif itu'

Ibu kepada anak lewat daftar sekolah jadi viral nafi sebar kisah kesusahan

"K" seorang ibu yang tinggal di Kepala Batas, Pulau Pinang, telah menjadi viral di media sosial setelah anaknya, Muhammad Amirul Anwar, 9, tidak dapat mendaftar di sekolah kerana kesusahan ekonomi. Namun, ibu itu menegaskan bahawa anaknya bukanlah seorang yang kesusahan ekonomi. "Kami tak sedaif itu," katanya.

Ibu kepada anak lewat daftar sekolah jadi viral nafi sebar kisah kesusahan. "Kami tak sedaif itu," katanya. "Kami hanya kesusahan ekonomi, bukan kesusahan hidup. Kami masih ada kerja, kami masih ada pendapatan. Kami hanya kesusahan ekonomi," katanya.

Ibu kepada anak lewat daftar sekolah jadi viral nafi sebar kisah kesusahan. "Kami tak sedaif itu," katanya. "Kami hanya kesusahan ekonomi, bukan kesusahan hidup. Kami masih ada kerja, kami masih ada pendapatan. Kami hanya kesusahan ekonomi," katanya.

Ibu kepada anak lewat daftar sekolah jadi viral nafi sebar kisah kesusahan. "Kami tak sedaif itu," katanya. "Kami hanya kesusahan ekonomi, bukan kesusahan hidup. Kami masih ada kerja, kami masih ada pendapatan. Kami hanya kesusahan ekonomi," katanya.

Ibu kepada anak lewat daftar sekolah jadi viral nafi sebar kisah kesusahan. "Kami tak sedaif itu," katanya. "Kami hanya kesusahan ekonomi, bukan kesusahan hidup. Kami masih ada kerja, kami masih ada pendapatan. Kami hanya kesusahan ekonomi," katanya.

Forum zakat di IPT

17 OKTOBER 2015, PERMUTANGAN PAU - ZPTM telah mengadakan forum zakat di IPT.

Forum zakat di IPT telah diadakan pada 17 Oktober 2015 di IPT. Forum ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai zakat dan bagaimana ia dapat digunakan untuk membangunkan negara. Forum ini dihadiri oleh ramai orang, termasuk ahli-ahli IPT dan masyarakat umum.

Forum zakat di IPT telah diadakan pada 17 Oktober 2015 di IPT. Forum ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai zakat dan bagaimana ia dapat digunakan untuk membangunkan negara. Forum ini dihadiri oleh ramai orang, termasuk ahli-ahli IPT dan masyarakat umum.



USM, Pulau Pinang

Ziarah Asnaf Bersama USM

ZPT bersama Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni USM turun menziarahi seorang bekas pelajar IPT tersebut yang kurang upaya penglihatan. Muhammad Zaid, memeluk Islam pada tahun 2007 dan tidak diterima keluarganya, tiada pendapatan untuk meneruskan hidup. Makan minum beliau sejak tamat pengajian lalu turut dibantu rakan-rakan serta bahagian HEPA, USM. Atas ihsan USM, beliau dibenarkan menginap sementara di Desasiswa Aman Damai sehingga menerima ijazah sarjana muda di Konvokesyen USM yang ke-52 November lalu. Beliau merupakan seorang pelajar cemerlang dan berjiwa besar. Bantuan sara hidup bulanan akan disalurkan sehingga beliau mendapat pekerjaan tetap. Terima kasih buat anda pembayar zakat.



Zakat D'IPT

ZPP buat julung kalinya dengan kerjasama Unit Kerjaya & Kaunseling, Pusat Zakat, Waqaf & Sedeqah (ACIS) dan Majlis Perwakilan Pelajar UiTM Pulau Pinang menganjurkan Forum Zakat D'IPT yang bertempat di Dewan Seminar, UiTM Pulau Pinang.

Pengurus Besar ZPP Azman Abdul Samat berkata, forum diadakan khusus buat pelajar di IPT bagi mengupas isu berkaitan zakat, sekaligus memberi pendedahan mengenai keberkatan berzakat serta fungsi institusi zakat masa kini.

Beliau berkata, program berkenaan mendapat kerjasama UiTM dalam konteks forum dan beberapa program menyusul dengan kerjasama UiTM dan IPT lain bagi mendapatkan impak baik dari masyarakat dalam kesedaran dan kebaikan menunaikan zakat. Program yang diadakan turut merapatkan hubungan baik dan menjalinkan kerjasama antara ZPP dan IPT dalam menyemarakkan zakat terutamanya negeri ini.

Forum bertajuk "Rezeki Kena Berkat Ke?" tersebut dikendalikan moderator Ustaz Fawwaz Mohamad Jan, Eksekutif dari ZPP bersama dua

panel jemputan iaitu Xifu Abdul Naser Abdul Rahman, pensyarah UIAM dan chef selebriti, Kamarul Hasni Che Rose dari UiTM Pulau Pinang.

Selain penuntut UiTM, program turut disertai 150 peserta Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB), Institut Pendidikan Guru

Kampus Tuanku Bainun dan Universiti Sains Malaysia (USM).

ZPP berharap dengan penganjuran program sedemikian, pelajar yang mendapat pendedahan awal akan menjadi pembayar zakat di masa hadapan.



Bandar Perda



Zakat Pulau Pinang hari ini telah melancarkan Bulan Berzakat dan Kempen Zakat di Bas Rapid Penang pada November 2015. Dalam majlis yang sama juga dilancarkan kempen sahabat zakat melalui perkhidmatan kad elektronik Touch N Go dimana kad tersebut direka khas sempena kempen ini. Majlis telah dirasmikan oleh YDP Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, YB Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man.

Kempen bertujuan menyebar luaskan maklumat

dan meningkatkan kefahaman dan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan berzakat dan meningkatkan keyakinan mereka terhadap pengurusan zakat di Pulau Pinang.

Melalui kefahaman ini, diharapkan agar masyarakat akan lebih meyakini fungsi dan peranan institusi-institusi zakat dan seterusnya menggalakkan masyarakat untuk menjadi pembayar zakat yang aktif bagi membolehkan lebih banyak bantuan dihulurkan kepada

Pelancaran Bulan Berzakat Dan Kempen Zakat Di Bas Rapid Penang

golongan-golongan yang memerlukan.

Kempen dan promosi tidak hanya disasarkan kepada individu dan mereka yang berpotensi membayar zakat sahaja. Sebaliknya kepada masyarakat umum dengan menguar-uarkan program yang telah dijalankan dengan hasil pungutan zakat dan menerangkan bentuk-bentuk program pembangunan asnaf yang telah dan akan dilaksanakan.

Kembara Sabah

Bersempena Bulan Zakat Kebangsaan 2015, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri-Negeri dan Pusat Zakat Negeri-Negeri telah mengadakan Konvoi Kembara Zakat Kebangsaan 2015, Al-Barakah : Kembara Zakat Sabah 2015. Kembara kali ini bermula pada 8 hingga 11 November 2015 meliputi beberapa daerah utama di Negeri Sabah bagi menyantuni asnaf di sekitar negeri tersebut.

Zakat Pulau Pinang tidak ketinggalan dalam menyertai konvoi kali ke-4 ini. Dalam konvoi ini sebanyak RM70,000.00 hasil sumbangan Majlis Agama dan institusi Zakat Malaysia telah diagihkan bagi membina pusat komuniti bagi dua daerah di Sabah iaitu di Kampung Matupang, Ranau dan Kampung Timbang Batu, Kota Marudu. Semoga dengan terbinanya pusat komuniti ini dapat dimanfaatkan oleh masyarakat setempat.



Bayan Lepas

Wacana Ilmu Fiqh Zakat



ZPP dengan kerjasama Qaryah Masjid Sungai Tiram telah menganjurkan "Wacana Ilmu Fiqh Zakat" bertajuk "Suci Dalam Debu". Program kali ini menampilkan dua orang ahli panel iaitu



Ustaz Mohamed Hanafiah Bin Abdul Malek (Penceramah Program Tanyalah Ustaz di TV9) dan Ustaz Mohamad Husam Bin Dato' Badaruddin dan dipengerusikan oleh Ustaz



Mohammad Fawwaz Bin Mohd Jan (Eksekutif Zakat ZPP). Sekitar 300 orang ahli qaryah turut hadir menyaksikan program yang diadakan bersempena dengan sambutan Bulan Zakat Peringkat Negeri Pulau Pinang.

Hospital Pulau Pinang



Ziarah Pesakit Kanak-Kanak Di HPP

Zakat Pulau Pinang dengan kerjasama Jabatan Kerja Sosial Perubatan, Hospital Pulau Pinang hari ini turun menziarahi adik Muhd Syahmi Afiq bagi menghulurkan bantuan segera. Menurut ibu adik Muhd Syahmi Afiq, anaknya yang berusia 1 tahun ini mengalami masalah paru-paru dan jantung. Adik Muhd Syahmi Afiq memerlukan

mesin pernafasan bagi membolehkannya bernafas dengan sempurna.

Di wad yang sama, ZPP turut menziarahi adik Nur Adila Mohd yang terlanter di HPP kerana terdapat jangkitan kuman di otak setahun yang lalu. Adik Nur Adila Mohd hanya bergantung

kepada susu khas untuk makan dan minum. ZPP telah menyalurkan RM3,000 untuk pembelian susu tersebut.

Semoga Allah memberi kesembuhan buat 2 orang anak ini, pulih dan sihat seperti kanak-kanak yang lain.

Majlis Saguhati Guru Quran

Seramai 2,651 orang guru agama dan guru al-quran negeri Pulau Pinang menerima sumbangan sagu hati bagi tahun 2015 di Dewan Millenium hari ini. Majlis yang disempurnakan oleh YDP Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, YB Dato Haji Mohd Salleh Man itu menyaksikan jumlah agihan sebanyak RM1,591,200.00. Majlis begini diadakan saban tahun bagi memberi penghargaan kepada guru-guru al-quran dan guru-guru agama serta memberi motivasi kepada mereka untuk terus berbakti kepada masyarakat Islam.



Majlis Penyerahan Bantuan Kelengkapan Persekolahan 2016

Seramai 7,550 orang pelajar sekolah rendah dari kalangan anak-anak asnaf fakir dan miskin dari seluruh negeri Pulau Pinang menerima bantuan kelengkapan persekolahan bernilai hampir RM1.89 juta daripada Zakat Pulau Pinang, MAINPP.

Satu majlis telah diadakan di Dewan Millenium, Kepala Batas bagi menyampaikan sebahagian dari kelengkapan persekolahan tersebut kepada pelajar sekolah-sekolah bagi daerah Seberang Perai. Dalam majlis tersebut 1,000 orang pelajar dari 20 buah sekolah telah menerima kelengkapan sekolah masing-masing. Bantuan kelengkapan persekolahan ini yang terdiri dari pakaian sekolah, kasut, alat tulis dan beg ini adalah sebagai persediaan bagi anak-anak asnaf memulakan sesi persekolahan 2016.

Majlis yang menyaksikan jumlah agihan zakat

sebanyak RM250,000 itu telah disempurnakan oleh Timbalan YDP Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, YBhg. Dato' Haji Abdul Halim Hussain.

Moga lebih ramai pembayar zakat memilih Zakat Pulau Pinang bagimenyalurkan zakat mereka kepada lebih ramai lagi asnaf. Terima kasih pembayar zakat.



Jom 'Check' Kereta Bersama Naza Academy

ZPP dan NAZA Academy dengan kerjasama Masjid Daerah Seberang Perai Tengah telah menganjurkan satu program yang dinamakan Jom "Check" Kereta. Program ini memberi peluang kepada penduduk sekitar membawa kereta mereka untuk diperiksa, dicuci serta di "polish".

Tenaga kerja program ini terdiri dari pada para pelajar asnaf tajaan ZPP di NAZA KIA Academy yang mendapat latihan SKM dalam bidang automotif di Kilang NAZA, Gurun, Kedah.

Ini merupakan pendedahan dan juga pengalaman kepada para pelajar asnaf merasai dunia sebenar dalam bidang automotif. Bagi perkhidmatan cuci dan polish bayaran minimum diambil dan dimasukkan ke dalam tabung masjid.



Semarakkan Zakat



ZPP kali ini kerjasama dengan Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni USM telah menganjurkan program 'Semarakkan Zakat Di IPT' yang bertempat di Kompleks Cahaya, USM Pulau Pinang.

Program ini adalah siri ke-2 yang seumpamanya selepas program 'Zakat Di IPT' yang dianjurkan di UITM Pulau Pinang pada 17 Oktober 2015.

yang lalu, hanya turut bertujuan memberikan pendedahan kepada masyarakat kampus tentang peranan dan kelebihan berzakat selain mempromosikan institusi zakat di negeri Pulau Pinang tentang cara kutipan dan pengagihannya.

Program berbentuk forum ini menampilkan jemputan khas, saudara Shamril Mohd Salleh (Sham Kamikaze) sebagai panel bersama Pengurus Besar Zakat Pulau Pinang, Haji Azman Abdul Samat. Manakala moderator bagi forum ini ialah Ustaz Zainuddin Hamzah, Eksekutif dari ZPP sendiri.

Hampir 200 orang mahasiswa dan kakitangan USM hadir menjayakan program ini. Moga kerjasama ini memberi manfaat kepada semua pihak.



Jitra

SPZN@Jitra

Mesyuarat Sekretariat Pengurusan Zakat Negeri-Negeri (SPZN) kali ini telah diadakan di Darulaman Golf and Country Club yang dipengerusi oleh Pengurus Besar ZPP, Y.Bhg Haji Azman bin Abd Samat selaku pengerusi sekretariat bagi tahun 2015.

Seperti biasa mesyuarat akan menghimpunkan kesemua Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Agensi mengurus Zakat (AMZ) seluruh Malaysia bagi membincangkan isu-isu semasa yang berkaitan kutipan dan agihan zakat di Malaysia.

Di akhir mesyuarat, Pusat Kutipan Zakat Pahang

(PKZ) telah dilantik sebagai Pengerusi SPZN yang baharu bagi sesi 2016. Zakat Pulau Pinang selaku Pengerusi SPZN sesi 2015 mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang menjayakan mesyuarat kali ini terutama Lembaga Zakat Negeri Kedah yang sudi menjadi tuan rumah mesyuarat kali ini.



Bandar Perda

Sumbangan Mesin COPD Buat Wartawan

Bertempat di Hospital Pakar KPJ Pulau Pinang, Zakat Pulau Pinang mengunjungi Muhammad Shalaby Shahbuddin, wartawan sambilan sebuah akhbar tempatan yang banyak menulis kisah insan-insan yang dalam kesulitan di negeri ini, tidak ketinggalan menyebarkan tugas-tugas ZPP.

Menurut Muhammad Shalaby, beliau mula

dikesan mengalami masalah kesukaran bernafas (Sleep Apnea) sejak 3 bulan lalu. Risiko yang dihadapinya adalah mati secara mengejut ketika tidur. Masalah pernafasan tersebut turut membuatkan badan beliau lemah.

Bantuan berupa mesin CPAP diserahkan kepada Muhammad Shalaby bagi membantu beliau

bernafas dengan baik serta mengembalikan kualiti tidur bagi meneruskan kehidupan yang baik keesokan harinya. Semoga diberi kesembuhan oleh Allah dan kembali menulis dan membantu lebih ramai insan yang memerlukan di luar sana.



Ops Zakat Perniagaan



Bandar Perda

Pemeriksaan Kesihatan ZPP Qaryah Terpilih



Bandar Perda

ANALISIS AGIHAN ZAKAT SEPANJANG DISEMBER 2015

No.	Asnaf	Jumlah (RM)
1	Fakir	RM 6,109,569.00
2	Miskin	RM 46,349,941.00
3	Muallaf	RM 1,999,584.00
4	Ghorimin	RM 1,671,143.00
5	Ibnu Sabil	RM 371,045.00
6	Fisabilillah	RM 28,626,827.00

ANALISIS KUTIPAN ZAKAT SEHINGGA 31 DISEMBER 2015

No.	Penerangan	Jumlah (RM)	Pembayar
1	Zakat Pendapatan	RM 29,376,309.00	56,503
2	Zakat Perniagaan	RM 12,376,979.00	1,166
3	Zakat Wang Simpanan	RM 5,953,606.00	5,078
4	Zakat Saham	RM 202,682.00	210
5	Zakat Kwsp	RM 1,122,706.00	1,092
6	Zakat Emas	RM 575,698.00	874
7	Zakat Perak	RM 2,691.00	18
8	Qadha Zakat	RM 361,709.00	133
9	Zakat Harta	RM 3,210,153.00	582
10	Zakat Tanaman	RM 302,276.00	468
11	Zakat Ternakan	RM 4,600.00	7



7 Oktober 2015

ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD (ANGKASA)

Zakat Perniagaan bagi haul 2014

RM 79,872.85

Diserahkan oleh Prof. Madya Datuk
Haji Mohamad Ali Hasan, (Naib
Presiden ANGKASA)



12 Oktober 2015

KOPERASI PEGAWAI KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG BERHAD

Zakat Perniagaan bagi haul 2014

RM 16,414.60

Zakat diserahkan oleh Encik Ismit
Yusof, Pengerusi Koperasi Pegawai
Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Berhad



23 Disember 2015

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB)

Zakat Perniagaan bagi haul 2014

RM 21,127.00

Diserahkan oleh Pengarah CIDB
Pulau Pinang, Encik Raslim Bin
Salleh kepada En. Mohamad Fuad
Md Isa, Pen. Pengurus Besar ZPP.



23 Disember 2015

GITN Sdn. Bhd.

Zakat Perniagaan bagi haul 2014

RM 100,000.00

Diserahkan oleh Encik Mohamed
Azni Kamaruddin, Pengarah
Network Services GITN Sdn. Bhd.



23 Disember 2015

Belati Wangsa (M) Sdn. Bhd.

Zakat Perniagaan bagi haul 2014

RM 152,000.00



30 Disember 2015 -

KOPERASI BANK PERSATUAN MALAYSIA BERHAD

Zakat Perniagaan bagi haul 2015

RM 454,713.40

Diserahkan oleh Pengerusi Koperasi
Bank Persatuan Malaysia Berhad,
Datuk Haji Yusra Sabar kepada
Yang di-Pertua Negeri, TYT Tun
Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul
Rahman bin Haji Abbas di kediaman
rasminya di Seri Mutiara

Terima Kasih

Kerana Bersama Kami
Membantu Asnaf Di Sepanjang 2015

زكاة قريهاتين
Zakat Pribadi

Zakat Pulau Pinang

T: 04-549 8088 www.zakatpenang.com

f Zakat Pulau Pinang



KAUNTER PERKHIDMATAN ZAKAT

BUKIT MERTAJAM (IBU PEJABAT)

No. 4, Jalan Perda Selatan,
Bandar Perda,
14000 Bukit Mertajam.
Tel : 04-549 8088
Faks : 04-530 6466

BUTTERWORTH

No. 65, Jalan Selat,
Taman Selat, 12000 Butterworth.
Tel : 04-331 3686
Faks : 04-332 1272

NIBONG TEBAL

No. 40, Jalan Jawi Jaya 1,
Taman Jawi Jaya, 14200 Jawi.
Tel : 04-583 3088
Faks : 04-583 3080

BALIK PULAU

208 D & 208 D-1,
Jalan Sungai Pinnag
11000 Balik Pulau.
Tel : 04-866 0299

KEPALA BATAS

No. 1204, Wisma Syeikh
Abdullah Fahim,
13200 Kepala Batas.
Tel : 04-578 3300

AYER ITAM

d/a. Masjid Negeri
Pulau Pinang,
Jalan Ayer Itam,
11500 Pulau Pinang.
Tel : 04-827 7488

BAYAN BARU

No. 81 Tkt. Bawah,
Persiaran Mahsuri,
1/3 Sunway Tunas,
11900 Bayan Lepas.
Tel : 04-646 9980
Faks : 04-646 9981

GEORGETOWN

No. 34, Lebuhr Buckingham,
10200 Georgetown.
Tel : 04-250 1000
Faks : 04-250 1001

www.zakatpenang.com